

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 JULY 2017

Tindakan Dr. M tidak masuk akal

UM - 9/7/2017 Pg. 5

Oleh ZAAIN ZIN

pengarang@utusan.com.my

■ KOTA BHARU 8 JULAI

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sepatutnya berasa malu kerana bertindak menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim yang pernah dilabel beliau sebagai individu tidak bermoral untuk menjadi Perdana Menteri.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, ketika penyingkiran Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri, beliau yang memimpin pergerakan Pemuda UMNO berada dalam keadaan keliru.

Walau bagaimanapun katanya, Dr. Mahathir mengeluarkan 1,001 hujah mengapa ahli tidak boleh sokong Anwar, terutama isu moralnya, menyebabkan semua pihak berdiri teguh di belakang bekas Perdana Menteri itu.

“Hari ini apabila Dr. Mahathir sokong Anwar, ini sudah lebih daripada pusingan U. Tidak masuk akal dan tidak konsisten langsung. Pengerusi Parti Pribumi Bersatu



HISHAMMUDDIN TUN HUSSEIN, Annuar Musa dan Alwi Che Ahmad (enam dari kiri) bersama ahli UMNO melaungkan gelombang merah dalam Majlis Perasmian Persidangan Perwakilan Sayap UMNO Ketereh di Kota Bharu, semalam. - MINGGUAN/ROSNi MASRI

Malaysia (PPBM) itu juga pernah sebut kepada saya, Anwar tidak boleh diterima kerana moralitinya. Adakah sekarang tidak perlu ambil kira moral bekas Ketua Pembangkang itu lagi sedangkan ini tentang orang yang sama. Adakah moral dia sudah berubah?” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan

Persidangan Perwakilan Sayap-Sayap UMNO Bahagian Ketereh di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kadok di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Penerangan UMNO merangkap Ketua UMNO Bahagian Ketereh, Tan Sri Annuar Musa; Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki serta Timba-

lan Ketua UMNO bahagian, Datuk Md. Alwi Che Ahmad.

The Guardian dalam temubual dengan Dr. Mahathir ketika lawatan beliau ke London baru-baru ini melaporkan Pengerusi PPBM itu menyatakan sokongan kepada Anwar sebagai Perdana Menteri sekiranya beliau mendapat pengampunan diraja.